

Headline	<b>Nasuha bina universiti herba</b>
Date	<b>15. Jan 2008</b>
Media Title	<b>Harian Metro</b>
Section	<b>Setempat</b>
Circulation	<b>172903</b>
Readership	<b>605160</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>29</b>
Article Size	<b>118 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>



## Nasuha bina universiti herba

**N**ASUHA Enterprise Sdn Bhd, syarikat ladang herba terbesar di negara ini bercadang mendirikan sebuah universiti di ladangnya dekat Pagoi, Johor bermula RM300 juta, khusus bagi menjalankan pembelajaran dan penyelidikan herba.

Pengarah Urusannya, Nasuha Kasian, berkata beberapa siri rundingan antara pihaknya bersama pakar herba dari China, Australia dan Amerika Syarikat sudah diadakan bagi menzahirkan penubuhan universiti itu.

"Mereka mengalau-alukan rancangan kami. Malah ada menyatakan usaha mendirikan universiti herba pertama di kawasan lebih 1,000 hektar di ladang kami itu perkara yang ditunggu-tunggu selama ini," katanya.

Nasuha berkata, rancangan mendirikan universiti itu tercetus setelah memirkirkan pentingnya hasil penyelidikan syarikatnya bersama Bahagian Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) beberapa tahun lalu dan ia perlu di-teruskan untuk kepenti-

ngan generasi masa depan. Antara kajian yang dihasilkan daripada kerjasama dua pihak itu adalah mengenai kandungan air perahan, Pokok Pecah Kaca (Citroblanters), satu daripada 135 spesies herba yang ditanam di ladang syarikat itu yang boleh menyekat pertumbuhan sel kanser.

Ubat-ubatan alternatif bagi kaedah kemoterapi itu ternyata berkesan selepas bahan berkenaan disuntik ke atas tikus putih, yang dijangkiti kanser.

Beliau berkata, penemuan luar biasa itu membolehkannya membantu menyembuhkan pesakit kanser yang menjadikan herba sebagai alternatif kepada perubatan moden.

"Dengan adanya sebuah universiti herba, ia dapat meneruskan kajian khasiat herba kepada kehidupan manusia."

"Kami juga sudah menyediakan kertas kerja mengenai cadangan penubuhan universiti berkenaan untuk dikemukakan kepada kerajaan," katanya.